

Hukum wanita haid membaca al-Quran

AN-NUR

Bersama
PROF. MADYA
DR. FARIZA MD. SHAM
farisham@ukm.edu.my



SOALAN:

BOLEHKAH wanita yang berada dalam keadaan haid membaca surah-surah yang biasa diamalkan atau adakah lebih baik tidak berbuat demikian kerana berada dalam keadaan tidak suci?

JAWAPAN:

ALLAH SWT menjadikan wanita sebagai makhluk yang sangat istimewa. Kejadiannya juga adalah berbeza dengan kejadian lelaki sama ada daripada aspek fizikal, emosi dan proses biologi.

Salah satu keistimewaan daripada aspek biologi ialah wanita boleh melahirkan anak yang bermula dengan keluar darah haid sebagai tanda seseorang wanita itu sudah baligh dan mempunyai kesuburan untuk melahirkan anak. Oleh itu, wanita yang normal dan tiada masalah kesihatan akan mengalami haid.

Darah haid

Daripada sudut syarak, keempat-empat mazhab iaitu Mazhab Maliki, Hanafi, Syafii dan Hambali sepakat mengatakan bahawa haid ialah darah yang keluar atau mengalir daripada faraj wanita yang sihat (bukan darah penyakit) pada umur yang kebiasaannya boleh melahirkan anak.

Haid merupakan darah tabii yang keluar dari rahim wanita sihat yang telah baligh pada masa tertentu. Ia bukan disebabkan oleh melahirkan anak, penyakit atau sebab lain.

Jenis-jenis darah haid, ulama fuqaha bersepakat pada hari kebiasaan haid ialah:

1. Warna kehitaman: Ini berdasarkan kepada hadis Fatimah binti Abi Hubaisy bahawa dia didatangi darah istihadah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya yang bermaksud:

"Sekiranya ia darah haid, ia akan berwarna hitam yang boleh dikenali. Apabila darah berwarna demikian, maka hendaklah engkau tinggalkan solat. Apabila ia berwarna lain, maka hendaklah engkau berwuduk dan solat, sesungguhnya ia adalah darah istihadah."

2. Warna merah: Merah adalah warna asal darah

3. Warna kuning: Air seperti nanah

4. Keruh: Pertengahan antara putih dengan hitam seperti air kotor. Warna ini pada kebiasaannya mengiringi warna kuning. Ia dianggap darah haid apabila ia keluar dalam tempoh haid.

Wanita yang mengalami haid, apabila haidnya kering, maka wanita perlu mandi wajib (bersuci).

Perkara yang dilarang ketika haid:

Perkara yang dilarang ketika haid ialah (boleh rujuk Buku *Darah Wanita, Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*, Anisah Ghani, 2007).

1. Solat: Fuqaha sepakat mengatakan bahawa wanita yang dalam keadaan haid haram melakukan solat fardu, sunat dan solat qada. Terdapat beberapa hadis yang menyatakan hal ini. Antaranya, Rasulullah bersabda kepada Fatimah binti Abi Hubaisy:

"Sesungguhnya darah haid itu darah hitam yang boleh dikenali, maka hendaklah engkau tinggalkan solat. Sekiranya darah itu berwarna lain, maka hendaklah engkau berwuduk dan solat."

2. Puasa: Wanita yang mengalami haid tidak boleh berniat untuk berpuasa, sama ada puasa wajib di bulan Ramadan atau puasa sunat. Puasa bulan Ramadan yang ditinggalkan, wajib diganti. Hadis riwayat Muaz r.a. yang bermaksud:

"Sesungguhnya seorang wanita bertanya kepada Aisyah, kenapa wanita haid mengqada puasa dan tidak mengqada solat? Aisyah menjawab, keadaan demikian itu telah berlaku ke atas kami apabila diperintahkan mengqada puasa dan tidak mengqada solat."

3. Tawaf: Wanita haid juga tidak boleh melakukan tawaf, tawaf wida dan tawaf sunat. Hadis riwayat Aisyah yang bermaksud:

"Kami keluar dan tidaklah kami menyangka melainkan untuk mengerjakan haji manakala kami sampai di Saripa (suatu tempat dekat dengan Mekah), aku didatangi darah haid, maka Rasulullah mendekati aku yang sedang menangis, lalu Rasulullah bertanya, Kenapa engkau? Apakah engkau didatangi haid? Aku pun berkata, ya."

"Rasulullah bersabda, sesungguhnya ini (haid) sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas wanita anak Adam. Engkau buatlah perkara yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji kecuali jangsan tawaf di Baitullah."

4. Menyentuh dan membaca al-Quran:

Menurut mazhab Syafii dan Hanafi, wanita yang sedang haid haram membaca al-Quran. Mereka berhujah dengan hadis riwayat Ibn Umar, Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Seseorang junub dan haid tidak harus membaca walau sedikit pun daripada al-Quran manakala dalil yang melarang menyentuh dan membawa al-Quran ialah firman Allah dalam surah al-Waqi'ah: 29 yang bermaksud:

"Tidak menyentuh (al-Quran) melainkan orang-orang yang bersih."

Merujuk kepada perkara yang dilarang wanita melakukan dalam haid, maka jelaslah bahawa, mereka dilarang untuk membaca ayat al-Quran tetapi mereka tidak dilarang untuk membaca bismillah dan berzikir.

Oleh itu, wanita dalam haid digalakkan untuk berzikir bagi menambah kekuatan emosi dan tidak dibenarkan membaca ayat-ayat al-Quran.

■ PROFESOR MADYA DR. FARIZA

MD. SHAM merupakan seorang pensyarah di Fakulti Pengajian Islam dan Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bengi, Selangor

WANITA yang didatangi haid ditegah membaca ayat-ayat suci al-Quran. -- Gambar hiasan